

Bausch + Lomb

Artelac® Lipids

Komposisi:

Artelac® Lipids mengandungi 2mg *carbomer*, trigliserida rantai sederhana, dan air steril. Selain itu, ia juga mengandungi sorbitol, disodium fosfat dodekahidrat, dan natrium hidroksida. Ia bebas pengawet.

Bentuk:

Artelac® Lipids boleh didapati dalam pakej yang mengandungi 10, 30, 60 unit dos tunggal berisi 0.6 g larutan untuk mata.

Cadangan penggunaan Artelac® Lipids:

Artelac® Lipids paling sesuai digunakan untuk melegakan simptom kekeringan mata berlarian akibat kekurangan air mata kronik. Kekurangan air mata kronik mungkin disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah keradangan dan kegagalan fungsi kelenjar air mata, kepincangan deria dan kelopak mata, dan/atau kualiti air mata yang rendah. Apabila satu atau beberapa faktor ini mengganggu pengeluaran air mata anda, ketidakseimbangan berlaku pada selaput air mata dan akibatnya suatu rentetan simptom yang tidak menyenangkan terhasil termasuklah: keradangan pada permukaan bebola mata, mata kemerahan, mata berhabuk, kekeringan, kepekaan cahaya, rasa pedih, mata yang sakit dan letih. Ironinya, air mata berlebihan mungkin terjadi, sehingga mengakibatkan keradangan lanjutan dan kerosakan kornea. Dadah dan prosedur tertentu (seperti pil perancang, antihistamin, *beta-blocker*, antikekejangan, diuretik, serta pembedahan katarak dan LASIK), sesetengah penyakit dan bahan pengawet dalam ubat titisan mata mungkin terbabit dalam mengakibatkan kekeringan mata dan kerosakan kornea.

Memandangkan kegagalan fungsi air mata bersifat kompleks, tidak banyak rawatan yang ada. Namun demikian, Artelac® Lipids direka untuk melindungi ketiga-tiga lapisan selaput air mata, termasuklah lapisan lipid luaran yang sangat penting untuk kelegaan maksimum dan pengekalan lembapan pada permukaan bebola mata. Ia mendatangkan ketenangan dan kenyamanan pada mata, sementara pada masa yang sama ia mengunci lembapan untuk kelegaan berpanjangan.

Produk ini direka untuk individu yang mungkin mengalami kegagalan fungsi air mata evaporatif, tetapi ciri produk ini sesuai juga untuk kegunaan individu yang menderita kekeringan mata yang lebih teruk dan berterusan, sebagai tambahan kepada produk rawatan mata mereka yang sedia ada.

Berapa kerapkah anda patut menggunakan Artelac® Lipids?

Rawatan untuk kekeringan mata memerlukan rejim individu yang direka berpandukan keterukan dan keamatan simptom yang dihadapi. Masukkan setitis Artelac® Lipids ke dalam pelupuk mata, 3 hingga 5 kali sehari, atau lebih kerap, jika perlu.

Maklumat penting tentang penggunaan Artelac® Lipids

Bagi meningkatkan kesesuaian dengan pengguna, Artelac® Lipids tidak mengandungi apa-apa pengawet, dan setiap dos perlu dibuang selepas digunakan.

Jangan guna Artelac® Lipids selepas tarikh luput. Dalam kes yang jarang terjadi, produk ini boleh mengakibatkan tindak balas hipersensitif. Penggunaan perlu dihentikan dalam kes yang sedemikian.


Jika anda menggunakan persediaan lain juga untuk mata anda, tunggu kira-kira 15 minit sebelum menggunakan titisan yang kedua.

Jika anda memakai kanta lekap, tunggu kira-kira 15 minit sebelum memakainya.

Cara penggunaan Artelac® Lipids yang betul:

Ilustrasi di bawah menunjukkan cara penggunaan Artelac® Lipids yang mudah dan ringkas.


1. Pegang pada label, pisahkan satu unit dos tunggal daripada jalur.



2. Pulaskan penutup unit dos tunggal itu.



3. Dongakkan kepala anda sedikit, dan perlahan-lahan tarik bahagian bawah kelopak mata dengan jari. Pegang unit dos tunggal tersebut secara menegak di atas mata dengan muncung menghala ke bawah, kemudian picit dengan lembut untuk mengeluarkan satu titis.



Pejamkan mata dan gerak-gerakkan bebola mata ke kiri dan ke kanan, kemudian kerdipkan mata untuk menyebarkan titisan tersebut ke seluruh permukaan bebola mata. Elakkan menyentuh muncung unit dos tunggal tersebut dengan mata atau jari bagi mengelakkan pencemaran.

Chem.-pharm. Fabrik GmbH
Brunsbütteler Damm 165-173
13581 Berlin

Pemilik Produk:
Dr. Gerhard Mann
Chem.-pharm. Fabrik GmbH
Brunsbütteler Damm 165-173
13581 Berlin
Jerman

Dr. Gerhard Mann Chem.-pharm. Fabrik GmbH ialah anak syarikat Bausch & Lomb Incorporated.
Artelac ialah tanda dagangan berdaftar Bausch and Lomb Incorporated atau anggota gabungannya.

©Bausch & Lomb Incorporated.

CE 0483

Wakil Sah: Bausch & Lomb (M) Sdn Bhd, Suite 17-01 & 17-02, Level 17, The Pinnacle,
Persiaran Lagoon, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor D.E. MALAYSIA

Maklumat tambahan tentang Artelac® Lipids:

Apakah peranan lapisan selaput air mata?

Selaput air mata terdiri daripada tiga lapisan di atas bebola mata yang menyediakan nutrien penting untuk permukaan mata, membentuk suatu lapisan pelindung pelincir di antara kornea dengan kelopak mata. Ia memelihara penglihatan yang terang dan sihat.

Setiap kali mata berkelip, selaput air mata semula jadi ini akan tersebar pada permukaan bebola mata untuk membekalkan nutrien, melindungi mata daripada kekeringan, membantu pemulihan kecederaan kecil pada kornea dan mencegah kerosakan lanjut daripada berlaku.

Lapisan paling dalam – lapisan musin membantu memaut lembapan dan bendalir pada mata. Lapisan pertengahan, yang meliputi saiz paling luas ialah lapisan akueus, iaitu suatu larutan nutrien dan ion yang membantu melembapkan mata serta melindunginya daripada jangkitan. Lapisan paling luar, iaitu lapisan lipid ialah suatu lapisan berminyak yang tumpat, berfungsi mengunci lembapan pada mata, melicinkan pergerakan kelopak mata di atas bebola mata, dan meratakan permukaan bebola mata supaya penglihatan menjadi lebih tajam. Lapisan-lapisan ini wujud dalam suatu keseimbangan simbiotik yang teliti untuk menjamin kesejahteraan dan kesihatan permukaan okular.

Keseimbangan lapisan air mata akan terganggu oleh kegagalan fungsi air mata kronik. Air mata yang tidak mencukupi atau tidak berkualiti mengganggu keseimbangan lapisan air mata, dan mencetuskan suatu rentetan masalah (kemerahan dan radang permukaan mata) dan simptom (iritasi, pedih, keletihan) yang akan memburukkan lagi keadaan. Mata tidak hanya bertambah sakit, bahkan permukaannya mungkin mengalami kerosakan.

Kegagalan fungsi air mata kronik ialah suatu penyakit kompleks tanpa rawatan yang jelas. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, anda dapat mengurangkan simptom kekeringan mata supaya berasa lebih selesa, dan membanyakkan/meningkatkan kualiti air mata anda. Tindakan ini dapat memutuskan rentetan masalah yang bermula daripada

kekeringan mata, dan memberi perlindungan daripada keradangan dan kerosakan permukaan okular.

Bagaimanakah Artelac® Lipids membantu mata anda?

Artelac® Lipids dengan kandungan *carbomer*, air tulen, dan lipid trigliserida mengutuhkan setiap lapisan selaput air mata dengan nisbah yang serupa dengan air mata semula jadi untuk melincirkan bebola mata dan menguatkan lapisan selaput air mata. Sifat *carbomer* yang likat dan melekap pada permukaan membantu memastikan larutan ini kekal pada permukaan mata selepas digunakan.

Apa lagi yang dapat anda lakukan untuk mata anda yang letih dan kering?

- Berhenti untuk berehat dari semasa ke semasa jika anda bekerja di hadapan komputer.
- Selalu kerdipkan mata anda.
- Pastikan bilik atau pejabat anda mendapat udara segar semula jadi, atau pertimbangkan untuk memasang pelembap udara.
- Minum air yang mencukupi.
- Lindungi mata anda daripada angin apabila keluar rumah.
- Pertimbangkan pengubahsuaian diet untuk mengambil lebih banyak Omega 3 dan Vitamin B Kompleks.

Artelac® Lipids juga boleh diperolehi dalam botol dos berbilang.

Artelac® Lipids, Mac 2012